

PM minta Orang Asli tidak terpengaruh dengan dakyah burukkan kerajaan

UM 16 JUL 1990

KUALA LUMPUR 15 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta seluruh masyarakat Orang Asli di negara ini supaya tidak terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang memburukkan kerajaan sekarang lebih-lebih lagi menjelang pilihanraya umum.

Perdana Menteri berkata, disebabkan kekecewaan sesetengah pihak termasuk mereka yang gagal menjadi Perdana Menteri, berbagai cerita mengenai keburukan dan kejahatan kerajaan ditimbulkan, misalnya kerajaan tidak menolong Orang Asli.

"Mereka ini telah sampai ke banyak tempat untuk mendapat sokongan Orang Asli dan menuduh kerajaan tidak menolong Orang Asli," katanya ketika berucap meraiikan lebih 200 orang ketua dan pemimpin Orang Asli di kediamannya di sini petang ini.

Katanya, kerajaan mengakui masih banyak yang belum dapat dilakukan terhadap masyarakat Orang Asli tetapi pihak yang mengkritik kerajaan harus melihat apa yang telah dilakukan bukannya membangkitkan apa yang belum dibuat.

Bagaimanapun beliau gembira kerana kebanyakan Orang Asli tidak terpengaruh dengan dakyah-dakyah tersebut sebaliknya telah memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada kerajaan sejak dari dahulu lagi.

Tak timbulkan masalah

"Orang-Orang Asli cukup setia kepada kerajaan, mereka selalu memberi sokongan kepada kerajaan dan tidak menimbulkan masalah buat kerajaan setiap kali pilihanraya," katanya.

Beliau berharap kesetiaan itu akan berulang dalam pilihanraya nanti bagi membolehkan kerajaan yang ada sekarang terus membantu meningkatkan taraf kehidupan mereka dan generasi akan datang terutama dalam bidang pendidikan.

Kerajaan, menurut Perdana Menteri lagi, ingin melihat kumpulan Orang Asli menikmati kemajuan seperti kumpulan lain.

Katanya, dalam bidang politik pula, wakil Orang Asli telah dilantik menjadi Senator dan walaupun pengganti bagi Senator Hassan Nam telah berakhir, seorang Senator baru dari kalangan Orang Asli akan dipilih tidak lama lagi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memberi perhatian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli termasuk pencerobohan pembalok-pembalok di kawasan yang mereka duduki.

Menurut beliau, kerajaan akan memastikan kerja-kerja pembalakan tidak menjejaskan kehidupan Orang Asli.

"Kerajaan tidak berniat menganiaya Orang-Orang Asli tetapi akan menolong seberapa yang boleh dan saya akan meminta kerajaan-kerajaan negeri supaya memberi perhatian kepada masyarakat Orang Asli ini," katanya.

Beliau juga memberitahu sebuah jawatankuasa khas bagi mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli di negara ini telah ditubuhkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Menurut Perdana Menteri, jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan antara wakil yang menduduki jawatankuasa tersebut adalah dari Persatuan Orang-Orang Asli.

Perdana Menteri seterusnya meminta masyarakat Orang Asli mengekalkan kebolehan dan kecekapan mereka seperti dalam bidang ukiran, sumpitan, menangkap binatang serta mencari bahan-bahan hutan walaupun mereka telah menerima kemajuan.

Katanya, kecekapan ukiran Orang Asli telah menarik perhatian

Queen Elizabeth dan Perdana Menteri Margaret Thatcher apabila hasil kraftangan Orang Asli itu dihadiahkan kepada pemimpin-pemimpin berkenaan tidak lama dahulu.

Beliau juga akan meminta Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Najib Tun Razak supaya menjadikan acara sumpitan sebagai salah satu aktiviti sukan dan kalau boleh diadakan pertandingan sumpitan peringkat dunia.

"Saya harap kecekapan-kecekapan yang istimewa ini tidak dilupakan walaupun orang Asli telah pandai sehingga belajar ke universiti," katanya.